

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS MALAM PERTANIAN NEGARA

TEMPAT: DEWAN MERDEKA, PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA, KUALA LUMPUR

TARIKH: 02 DEC 1987

MASA:

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh, dan selamat sejahtera.

Yang Berhormat Dato' Seri Sanusi bin Junid,
Menteri Pertanian;
Dif-dif Kehormat;

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Saya difahamkan bahawa Malam Pertanian Negara yang julung-julung kali diadakan ini, adalah satu usaha pihak Kementerian Pertanian untuk menimbulkan kesedaran mengenai kepentingan sektor pertanian dalam pembangunan negara. Walaupun saya seringkali dijemput hadir dan berucap dalam majlis atau seminar mengenai pertanian kepada petani-petani, tetapi pada malam ini, audiencenya berbeza kerana para jemputan juga adalah terdiri daripada golongan-golongan profesional, cerdik pandai, ahli politik, ahli-ahli perniagaan, pemimpin peladang dan nelayan, dan lain-lain lagi.

2. Saya percaya dengan suasana ini Kementerian Pertanian akan dapat memupuk kesedaran yang lebih menyeluruh tentang pentingnya bidang pertanian ini. Saya berharap kehadiran kita semua akan mewujudkan satu azam politik atau 'political will' dalam proses pembangunan negara menerusi salah satu sektor yang penting ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

3. Saya sengaja memilih perkataan 'political will' itu, kerana saya melihat pembangunan bidang pertanian kita di zaman penjajahan dahulu adalah diasaskan kepada kehendak 'political will' Kerajaan penjajah itu sendiri. Dasar pertanian penjajah telah dilaksanakan bagi kepentingan politik dan ekonomi negara dan negeri-negeri sekutu mereka. Walaupun jelas Malaysia mempunyai potensi sebagai pengeluar barang makanan, pengeluaran ini tidak digalakkan. Yang digalakkan oleh penjajah ialah pengeluaran bijih timah dan getah. Sekarang ini barulah kita tahu bahawa kambing biri-biri pun boleh diternak secara besar-besaran untuk eksport. Demikian juga dengan lain-lain ternakan dan bahan-bahan makanan.

4. Walaupun kita boleh menyalahkan penjajah dahulu, sekarang ini tidak ada gunanya kita menjadikan mereka

sebagai alasan kegagalan kita setelah kita berkuasa ke atas dasar dan tindakan kita. Pandangan kita sudah terbuka terhadap potensi pertanian. Jika kita tidak merebut peluang atau kita gagal menjayakan perusahaan pertanian kita, kitalah yang patut disalahkan. Justeru itu, marilah kita kaji dan kenali akan sebab-sebab mengapa kita tidak menggunakan peluang dan potensi kita itu.

5. Salah satu sebab mengapa kita tidak begitu berjaya dalam bidang pertanian dan perikanan, selain daripada getah dan kelapa sawit, ialah kerana kita menganggap pertanian bukan sebagai satu kegiatan komersial tetapi hanya sebagai satu usaha untuk keperluan makanan diri kita sahaja. Kita tidak memikirkan akan keperluan negara lain terhadap hasil pertanian kita. Dengan perkataan lain, kita tidak memikirkan tentang pasaran dunia dan eksport. Oleh itu kebanyakan daripada usaha pertanian kita ialah secara kecil-kecilan dan tidak bercorak estet seperti ladang getah, kelapa sawit dan koko yang jelas mendapat manfaat daripada economies of scale. Selagi kita mengamalkan pertanian sebagai kegiatan kecil-kecilan yang melibatkan hanya petani tradisional, selama itulah perusahaan pertanian kita tidak akan berkembang.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

6. Daripada segi pertanian, negara kita adalah negara bertuah. Tanah kita subur, iklim kita baik, dan selain daripada banjir sekali-sekala yang tidak menimbulkan bencana yang besar, kita tidak dilanda oleh ribut taufan atau gempa bumi serta gunung berapi. Faktor-faktor ini dengan sendirinya menolong supaya kita lebih berupaya untuk bersaing atau menjadi kompetitif. Kita juga mempunyai kawasan bukit-bukau dengan iklim yang sesuai untuk tanam-tanaman negara temperate. Dengan baja tiruan dan teknik-teknik baru, boleh dikatakan hampir tidak ada pokok yang tidak boleh tumbuh dan mengeluarkan hasil di negara kita ini.

7. Begitu juga dengan bidang perikanan. Laut dalam kita adalah sumber kekayaan negara kita. Kini kita baru sahaja sedar akan hakikat ini. Sudah berpuluh-puluh tahun orang asing meneroka dan meraih kekayaan dari laut dalam kita. Kita bertempik marahkan orang-orang itu, sedangkan kita sendiri tidak berupaya atau tidak berminat untuk mengambilnya. Hari ini, apabila kita adakan satu kerjasama atau cooperation dalam penangkapan ikan laut dalam, barulah kita sedar bahawa kita telah sekian lama mengabaikan bidang yang berpotensi besar ini. Saya rasa saya tidak perlu mengulas lebih lanjut lagi mengenai faedah perikanan laut dalam ini kerana ianya sudah jelas. Dengan tertubuhnya Angkatan Nelayan Laut Dalam yang akan meneroka bidang ini secara agresif tidak berapa lama lagi, nelayan dan negara akan menikmati banyak faedah.

8. Dalam bidang penternakan pula, bukanlah mustahil kita dapat menghasilkan semua jenis daging untuk keperluan kita

dan untuk eksport. Kita tidak terhad kepada ayam, itik, kambing dan lembu. Kita boleh mengeluarkan daging rusa, arnab, lamb atau daging kambing biri-biri dan mungkin juga ayam piru atau turkey.

9. Melihat kepada suasana ini dan ditambah lagi oleh penekanan Kerajaan ke atas sektor pertanian, maka kita harus bertindak atas garis-garis 'thinking big' dalam bidang ini. Pendekatan kita dalam mengurus usaha-usaha pertanian mestilah bersifat 'national' dan pemasarannya mestilah di peringkat 'global'.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

10. Di zaman dahulu apabila penduduk Malaysia tidak begitu ramai, kita boleh mengeluarkan barang-barang makanan untuk keperluan sendiri dan tempatan sahaja. Setiap kampung atau bandar boleh mengadakan kebun-kebun sayur, menternak ayam dan lembu secara kecil-kecilan untuk membekalkannya. Tambahan pula sistem kenderaan dan simpanan makanan segar tidak mengizinkan pengeluaran yang banyak untuk seluruh negara.

11. Tetapi sekarang ini kita mempunyai penduduk 16 juta orang. Sebahagian besarnya tinggal di bandar-bandar besar dan dikelilingi bukan lagi oleh kebun-kebun sayur tetapi oleh kilang-kilang, ladang getah dan kelapa sawit. Enam belas juta manusia ini memerlukan punca makanan secara tetap dan mencukupi. Dengan itu pembekalan makanan terpaksa dijadikan industri yang besar dan sofistikated. Ternakan secara kecil-kecilan, berkebun di atas lot tanah yang kecil, memancing ikan dengan menggunakan perahu tidak lagi dapat menampung keperluan ini. Kita perlu kepada pertanian secara besar-besaran walaupun untuk bekalan dalam negara sahaja. Sudah tentu untuk mengeksport kita memerlukan susunan industri pertanian seperti susunan dalam bidang penanaman getah dan kelapa sawit.

12. Keperluan masyarakat moden dan besar ini menyebabkan pertanian dan petani tradisional tidak lagi mampu menjalankan tanggungjawab mereka sebagai pembekal. Kita perlukan industri pertanian yang moden dan besar. Malangnya jika pertanian moden menggantikan pertanian tradisional maka akan terputuslah punca pendapatan petani dan nelayan tradisional. Inilah dilemma kita. Sudah tentu jika kita ingin mengadakan industri eksport, hasil pertanian kita tidak mungkin berjaya selagi kita kekal dengan sistem pertanian tradisional.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

13. Ramai daripada kita yang sering menyatakan kesedihan kita akan nasib nelayan. Mereka adalah golongan yang paling miskin sekali dalam negara kita. Malangnya kita boleh mengeluarkan air mata darah, kita boleh menangis seribu tahun, tetapi kita tidak akan dapat mengurangkan kemiskinan mereka ini, selagi mereka kekal dengan cara-cara menangkap

ikan yang lama atau menghadkan aktiviti-aktiviti mereka ke sungai-sungai dan persisiran pantai sahaja.

14. Sebenarnya mereka yang mempertahankan cara hidup tradisional ini menganiayakan kaum ini. Mereka yang terlalu bersimpati dengan nelayan-nelayan tradisional ini sebenarnya menghalang kemajuan mereka. Lebih awal mereka ini menerima cara moden, menerima perubahan, lebih cepatlah nasib mereka dipulih. Demikian juga dengan bidang-bidang lain.

15. Tetapi kita tidak boleh khayal dengan pendapat bahawa pertukaran daripada yang tradisional kepada yang moden dengan sendirinya akan membawa kejayaan. Persiapan yang cukup mestilah diadakan untuk menjayakan pertukaran ini. Kita perlu kepada orang-orang yang terlatih terutamanya dalam bidang pengurusan. Hanya dengan pendekatan yang tersusun dan lengkap barulah dapat kita menikmati kejayaan daripada pendekatan yang baru ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

16. Pertanian bukan lagi satu bidang untuk 'peasants' di negara Malaysia yang moden ini. Sebab itu kehadiran cerdik pandai serta pemimpin-pemimpin petani dan nelayan amat bermakna dalam Majlis ini. Terpulanglah kepada tuan-tuan dan puan-puan mencari jalan untuk melakukan perubahan yang diperlukan tanpa membelakangkan kepentingan petani dan nelayan tradisional. Dengan adanya begitu ramai orang yang berpelajaran tetapi menganggur, inilah masanya untuk membuat pertukaran.

17. Saya berharap kita dapat bersama-sama memikirkan tentang dilemma ini. Mudah-mudahan Allah Subhanahu Wataala akan membuka hati kita semua bukan sahaja untuk menerima hakikat perubahan di alam sekeliling tetapi mencipta cara untuk mendapat manfaat daripadanya khususnya dalam bidang pertanian.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamu alaikum
warahmatullahi wabarakatuh.